

Negara terus stabil walaupun tanpa saya — PM

UM 12 JUL 2000

KUALA LUMPUR 11 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan terus stabil dan “membangun walaupun beliau tidak lagi memimpin kerana kerajaan semasa sedang menyediakan pemimpin pelapis yang diperlukan oleh negara.

Kata Perdana Menteri, langkah menyediakan barisan kepimpinan yang baik akan memastikan negara terus stabil dan terus membangun pada masa depan.

Dr. Mahathir turut menolak dakwaan media asing bahawa negara ini tidak akan menikmati kestabilan dan mengalami pembangunan pesat jika diterajui oleh pemimpin lain apabila beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

Beliau yang telah menjadi Perdana Menteri sejak 1981 menjelaskan, pihak luar akan sentiasa

cuba untuk menggugat kestabilan negara apabila melihat keadaan sesebuah negara itu semakin stabil dan membangun.

“Mereka sentiasa cuba untuk menimbulkan ketidakstabilan negara.

“Kalau rakyat bergaduh dan membunuh, mereka kata kita tidak pandai memimpin negara,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen dan Pameran 2000 Persatuan Struktur Keluli Malaysia (MSSA) di Seri Kembangan dekat sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan *Far Eastern Economic Review (FEER)* baru-baru ini yang memetik Agensi Perisikan Pusat Amerika Syarikat (CIA) bahawa negara ini tidak akan stabil apabila Dr. Mahathir tidak lagi memimpin.

Mengenai laporan yang sama yang mengaitkan

keadaan ketidakstabilan ekonomi negara berlaku berikutan langkah kerajaan menyelamatkan syarikat-syarikat tempatan ekoran krisis ekonomi, kata Dr. Mahathir: “Saya tidak bersetuju.”

“Negara mereka juga menggunakan wang untuk menyelamatkan syarikat-syarikat dan syarikat-syarikat itu kini maju,” ujarnya.

Malaysia, menurut Dr. Mahathir, hanya mencontohi langkah yang diambil oleh negara tersebut dan terbukti ia merupakan satu tindakan yang berkesan.

Ditanya mengenai ramalan laporan itu bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan kembali dalam arena politik negara, kata Perdana Menteri: “Saya tidak tahu, nampaknya mereka lebih banyak mengetahui daripada saya.”